

14/06/1998

Malaysia sambut pelaburan langsung asing

Shariffudin Mohamed; Sariha Mohd Ali

KUANTAN: Malaysia akan terus mengalu-alukan pelaburan langsung asing (FDI), tetapi bukannya pelabur `wang panas' yang ingin mendapat keuntungan cepat dengan melabur di bursa saham, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, Malaysia menganggap pelabur langsung asing tulen sebagai penyumbang kekal kepada pembangunan perindustrian negara, tetapi ada juga pelabur asing yang ingin mendapat keuntungan cepat dengan melabur di bursa saham.

"Sebenarnya, kita tidak memerlukan `wang panas' daripada pelabur seperti itu kerana ia memberi kesan buruk terhadap syarikat, pelabur tempatan dan negara," katanya ketika merasmikan kilang Pahang Cement Sdn Bhd (PCSB) yang berharga RM700 juta di Bukit Sagu, kira-kira 50 kilometer dari sini, semalam.

Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob dan Pengerusi Kumpulan YTL, Tan Sri Yeoh Tiong Lay.

Sebaliknya, kata Perdana Menteri, kerajaan mengalu-alukan pelaburan langsung asing dan sedia memberi layanan istimewa, malah Malaysia adalah antara negara membangun yang paling awal menggalakkan pelaksanaan FDI.

Antara lain, katanya, kerajaan sedia memberi insentif, termasuk keistimewaan bebas cukai selama 10 tahun.

"Kami akan menyediakan semua insentif yang perlu (bagi pelabur langsung asing) tetapi wang panas bukanlah yang kami mahu.

"Kerajaan sedar keadaan itu memberi kesan terhadap pemulihan ekonomi negara. Sebenarnya kita tidak mahu pemulihan ekonomi bersifat sementara kerana ekonomi yang sudah pulih itu mungkin musnah hanya disebabkan tindakan pihak tertentu yang cuba mengaut keuntungan daripada pasaran saham," katanya.

Beliau berkata, walaupun kebanyakan syarikat tertekan kerana pelabur asing yang mencari keuntungan cepat menarik pelaburan, tetapi kerajaan tidak boleh bertindak menghalang mereka berbuat demikian.

Dr Mahathir juga kesal dengan tindakan pelabur asing yang mengambil kesempatan melalui kebebasan memasuki pasaran saham negara ini untuk mengaut keuntungan.

"Kita menetapkan kepentingan asing dalam syarikat kita hanya boleh sehingga 30 peratus tetapi mereka bergerak dengan cepat melebihi 50 peratus tanpa pengetahuan kerajaan.

"Selepas itu, pemilikan saham itu dijual untuk mengaut keuntungan jangka pendek menyebabkan pemilik saham tempatan mengalami kerugian," katanya.

Dr Mahathir bagaimanapun yakin pemulihan ekonomi boleh dicapai apabila semua rakyat bersatu padu menangkis serangan yang dilancarkan terhadap negara.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga tidak boleh bergantung kepada satu jenis industri, sebaliknya perlu mempelbagaikan industri bagi mengurangkan kesan ekonomi yang boleh menekan negara.

Menurut Dr Mahathir, strategi mempelbagai industri dan mengagihkannya ke seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak, boleh membawa manfaat kerana banyak pelaburan diperlukan, selain memberi peluang pekerjaan.

Oleh itu, beliau berkata, kerajaan menjadikan Koridor Perindustrian Pantai Timur sebagai kawasan industri berat berasaskan gas, petroleum, petrokimia dan besi, manakala Pantai Barat dijadikan kawasan industri berasaskan elektronik.

(END)